

TARIKH	RABU, 17 APRIL 2024
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	8.1 HEKTAR TANAH TERBIAR DIMANFAAT TANAM PADI NUKLEAR
M/S	18
BIDANG	NUCLEAR MALAYSIA
KATA KUNCI	MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY, PADDY, NMR152

8.1 hektar tanah terbiar dimanfaatkan tanam padi nuklear

IPOH – Tanah sawah terbiar se-luas 8.1 hektar di Kampung Kandang Hulu, mukim Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar dekat sini akan usahakan semula bagi penanaman padi NMR152 atau padi nuklear oleh Agensi Nuklear Malaysia.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd. Zolkafly Harun berkata, kajian projek itu dibuat oleh Stesen Penyelidikan Padi dan Beras Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan akan dilaksanakan melalui beberapa fasa.

Katanya, benih padi NMR152 menjadi pilihan kerana padinya berproduktiviti tinggi selain tahan serangan penyakit, cuaca ekstrem, kemarau dan banjir.

“Benih padi ini mengambil masa tiga bulan atau 110 hari untuk dituai. Jadi, kita boleh tuai tiga musim setahun atau lima musim dalam dua tahun.

“Benih itu mampu menghasilkan pengeluaran padi lapan hingga 10 tan metrik bagi keluasan satu hektar berbanding tiga hingga lima tan metrik perhektar bagi sekali tuai,” katanya selepas mendengar taklimat wakil USAS di Banguan Setiausaha Kerajaan Negeri



MOHD. ZOLKAFLY (kiri) melihat kertas cadangan pembangunan tanah sawah terbiar di Kuala Kangsar ketika sesi taklimat di Ipoh semalam.

di sini semalam.

Menurut beliau, selain penanaman secara berskala besar di kawasan sawah terbiar, penanaman berskala kecil turut dijalankan menerusi program Lamanku, Berasku.

Menerusi program itu, peserta dibekalkan set lengkap untuk diusahakan secara penanaman polibeg di halaman rumah masing-masing.

Ia merupakan projek rintis yang akan membantu kerajaan

negeri dalam memperkasakan sekuriti makanan di Perak dengan agenda Pelan Perak Sejahtera 2030.

Tambahnya, projek itu juga akan diperluaskan di kawasan lain antaranya perkampungan Orang Asli di Dewan Undangan Negeri Lintang.

“Usaha ini dilihat dapat menggalakkan penggunaan tanah terbiar di Perak yang berjumlah 11,013 hektar membabitkan 4,004 lot tanah,” katanya.